

29/05/1999

JPA, Cuepacs akan tingkat kerjasama

KUALA LUMPUR, Jumaat - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan terus meningkatkan kerjasama dan persefahaman dengan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) demi kepentingan kakitangan sektor awam di negara ini.

Setiausaha Agung kongres itu, Abdul Rahman Manan berkata jaminan itu diberikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Samsudin Osman, dalam ucapannya di majlis persaraan pengarah Bahagian Saraan, JPA, Datuk Mohsin Mohd Khir, dua hari lalu.

Dalam pertemuan susulan semalam, katanya, Samsudin memaklumkan kepada Cuepacs bahawa JPA sedang mengambil tindakan berkaitan isu yang dipersetujui dalam mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) awal tahun ini.

Mengenai aduan Cuepacs berkaitan dakwaan ketidakadilan dalam penyediaan laporan penilaian prestasi dan pergerakan gaji anggota sektor awam, beliau berkata Samsudin memberitahu Cuepacs bahawa beliau akan membuat kajian terhadap perkara itu.

Abdul Rahman berkata, Samsudin turut bersetuju dengan cadangan Cuepacs agar pertemuan lebih kerap diadakan bagi membincangkan isu yang berkaitan dengan anggota sektor awam.

"Cuepacs juga memberi jaminan akan terus menyokong usaha kerajaan ke arah pemulihan ekonomi di bawah kepimpinan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad)," katanya.

(END)